SOALAN NO : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha berterusan Kementerian dalam memudahkan cara untuk para peladangnita mendapatkan pensijilan keselamatan makanan (*food security certification*) untuk produk-produk akhir mereka, dan apakah jaminan Kementerian dalam memastikan pensijilan tersebut memenuhi piawaian pensijilan keselamatan di peringkat antarabangsa.

SOALAN NO : 20

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) komited dalam membantu Peladangnita dalam mendapatkan pensijilan keselamatan makanan (*food security certification*) bagi produk segar dan produk asas tani.

2. Pensijilan keselamatan makanan untuk produk segar dilaksanakan menerusi Program Pengukuhan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Organik Malaysia (myOrganic) manakala bagi produk asas tani dilaksanakan menerusi Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) dan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (HALAL).

3. Di antara usaha berterusan Kementerian dalam memudah cara untuk para Peladangnita mendapatkan pensijilan keselamatan makanan bagi produk segar dan produk asas tani adalah seperti berikut :

- memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada ahli serta melakukan pemeriksaan tapak, analisis hasil dan analisis air secara percuma oleh Pegawai Pengembangan Jabatan di bawah MOA;

- melaksanakan *roadshow* dan promosi dalam bentuk pameran, jualan dan taklimat kepada pengguna di seluruh negara mengenai kelebihan mendapatkan produk yang selamat dimakan. Contoh program seperti Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa (MAHA) dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK);

- melaksanakan program *capacity building* dengan pegusaha-pengusaha berpotensi bagi mempromosikan dan menggalakkan amalan pertanian baik oleh Jabatan di bawah MOA;

- memberi galakan insentif secara *in-kind* kepada pengusaha sebanyak RM5,000 hingga RM50,000 tertakluk kepada keperluan ladang dan pengesyoran Jabatan yang memenuhi kriteria pensijilan untuk mendapatkan pensijilan myGAP seperti kemudahan dan infrastruktur ladang yang memenuhi amalan pertanian baik;

- memberi khidmat nasihat dan latihan menerusi Bengkel Mudahcara Halal (kerjasama bersama Halal Industry Development Corporation) dan Bengkel Pensijilan MeSTI (kerjasama bersama Kementerian Kesihatan Malaysia); dan

- menyediakan geran pemadanan kepada pengusaha produk asas tani sehingga RM200,000 untuk penambahbaikan premis meliputi penambahbaikan ruang melalui pengubahsuaian susun atur dan binaan bangunan termasuk sistem perparitan dan kumbahan yang mematuhi kehendak pensijilan MeSTI dan Halal.

4. Skim pensijilan-pensijilan yang telah dinyatakan di atas iaitu myGAP, myOrganic, MeSTI dan HALAL adalah skim pensijilan yang komprehensif berdasarkan kepada Malaysia Standard (MS) dan memenuhi piawaian pensijilan keselamatan di peringkat antarabangsa dengan tempoh sahlaku sijil selama dua (2) tahun. Pemantauan berkala sebelum tamat tempoh sahlaku dilaksanakan bagi memastikan pengusaha mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.